

# Pengurusan taman dan rekreasi

Oleh Khairunnisa Kamarudin  
bhskor@bh.com.my

► Serdang

» UPM menawarkan program *Bachelor Sains Taman dan Rekreasi* bagi melahirkan **tenaga terlatih dalam sektor pelancongan hijau**

Sejajar dengan pengenalan pelancongan hijau yang memberi fokus kepada rekreasi serta pelancongan berimpak rendah dan mampan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menawarkan program *Bachelor Sains Taman dan Rekreasi (BSTR)* sejak tahun 2011.

Program ini bertujuan untuk menghasilkan tenaga terlatih dalam bidang pengurusan taman dan rekreasi serta ekopelancongan bagi menampung keperluan negara.

Ketua Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, Prof Madya Dr Azlizam Aziz, berkata sepanjang lapan semester pelajar akan didedahkan kepada konsep, teori dan kaedah berdasarkan maklumat, bahan, dan teknologi terkini.

“Program ini akan melahirkan graduan yang menepati keperluan masa kini dan masa hadapan serta dapat mengurus penggunaan teknologi terkini dalam pelbagai industri taman dan rekreasi serta ekopelancongan di sektor awam dan swasta.

“Apa yang menarik program ditawarkan di UPM ini, sama dengan apa yang terdapat di universiti lain yang turut menawarkan kursus

sama kerana kami merangkumkan tiga aspek iaitu memanfaatkan atau interpretasi sumber alam semula jadi, aktiviti rekreasi luar serta keusahawanan,” katanya.

Graduan yang menamatkan pengajian dalam bidang ini berpeluang untuk bekerja dalam sektor awam dan swasta antaranya sebagai pengurus taman dan rekreasi, pegawai hidupan liar, pengurus zoo, penguasa Taman Negara, pemelihara hutan dan sebagainya.

Apa yang menarik kebanyakan graduan dalam bidang ini berjaya mendapatkan pekerjaan dalam tempoh yang singkat selepas tamat belajar kerana permintaan tinggi dalam pelbagai sektor.



## INFO

### Kelayakan Minimum Calon STPM

#### 1. Syarat Am Universiti

- Lulus SPM dengan baik
- Kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia pada peringkat SPM dan setaraf
- Peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya
  - Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran pengajian Am, dan
  - Gred C (NGMP 2.00) dalam dua mata pelajaran lain
- Telah menduduki Malaysia University English Test (MUET)

#### 2. Syarat Khas Program

- Memenuhi syarat am universiti
- Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam satu (1) daripada mata pelajaran berikut:
  - Biologi
  - Kimia
  - Fizik
  - Matematik Tambahan atau Matematik Lanjutan Tambahan

### Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM

#### 1. Syarat Am Universiti

- Lulus SPM dengan baik
- Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat SPM dan setaraf
- Lulus matrikulasi KPM/Asasi Sains UM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00
- Telah menduduki Malaysia University English Test (MUET)

#### 2. Syarat Khas Program

- Memenuhi syarat am universiti
- Mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 pada peringkat Matrikulasi Sains Hayat

### Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Tahun Asas UTM

#### 1. Syarat Am Universiti

- Lulus SPM dengan baik
- Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat SPM/setaraf
- Lulus matrikulasi KPM/Asasi Sains UM dan mendapat

### sekurang-kurangnya PNGK 2.00

- Telah menduduki Malaysia University English Test (MUET)

#### 2. Syarat Khas Program

- Memenuhi syarat am universiti
- Mendapat PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam satu daripada matapelajaran berikut pada peringkat Matrikulasi Sains Hayat:
  - Biologi
  - Kimia
  - Matematik

### Kelayakan calon lepasan diploma

- Lulus diploma yang sesuai dari UPM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UPM dan menduduki Malaysia University English Test (MUET)

### Kelayakan Calon Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

- Lulus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan 5 dan memenuhi syarat berikut:
  - Lulus SPM dengan baik
  - Lulus dengan kepujian Bahasa Melayu pada peringkat SPM dan setaraf

PROGRAM INI AKAN MELAHIRKAN GRADUAN YANG MENEPATI KEPERLUAN MASA KINI DAN MASA HADAPAN SERTA DAPAT MENGURUS PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI

Prof Madya  
Dr Azlizam Aziz  
Ketua Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, UPM